

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2020

KUALA LUMPUR, 18 Julai 2020 – Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin hari ini melancarkan Program Jualan Mega dan Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 di Suria KLCC, di sini.

Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merupakan sebuah kempen kesedaran kepenggunaan yang akan diadakan secara jelajah di pelbagai zon di seluruh negara dari tarikh pelancaran sehingga akhir tahun 2020. Kempen ini adalah salah satu inisiatif strategik untuk merangsang dan merancakkan semula pertumbuhan ekonomi domestik melalui sektor peruncitan.

Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM20 juta melalui Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) bagi pelaksanaan kempen ini. KBBM yang menggalakkan penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan ini akan menggalakkan penandaan barangan buatan tempatan di rangkaian pasar raya dan mewujudkan saluran khusus untuk produk-produk Malaysia di platform e-dagang.

Segmen produk-produk dan perkhidmatan buatan tempatan yang diberikan penekanan oleh Kementerian dalam membantu menjana semula ekonomi terutamanya di sektor peruncitan adalah:

- i) fesyen dan pakaian;
- ii) perabot dan kelengkapan rumah;
- iii) perkakasan elektrik ;
- iv) automotif;
- v) kraftangan dan hasil seni;

- vi) makanan dan minuman,
- vii) komunikasi;
- viii) gajet/peralatan IT; dan
- ix) kesihatan dan kecantikan.

KBBM dilaksanakan melalui kerjasama strategik di antara KPDNHEP bersama-sama sembilan Kementerian yang lain. Turut dilibatkan dalam kempen ini adalah pihak berkepentingan seperti *Malaysia Retailers Association (MRA)*, *Malaysia Retail-Chains Association (MRCA)*, *Federation of Manufacturing of Malaysia (FMM)*, Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPK) dan pelbagai lagi.

Sesi libat urus dengan penyedia pihak platform atas talian (*marketplace*) dan peruncit-peruncit utama (*major retailers*) juga turut dilaksanakan bagi membolehkan KBBM ini mendapat capaian yang menyeluruh dalam kalangan rakyat Malaysia.

###
